



LEMBAGA
LEBUHRAYA
MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 (43)

1) JURUTERA AWAM (GRED J44)

1. (a) Jawatan : Jurutera Awam (Gred J44)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan Dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji Minimum - Maksimum: RM 3,608.00 – RM 10,557.00
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - e) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.
4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

- a) Memantau pengurusan pembinaan lebuhraya berdasarkan Perjanjian Konsesi (CA), Garis Panduan Pengurusan Trafik, Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, Sistem Pengurusan Alam Sekitar MS ISO 14001:2004, Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS) 18001:2007/MS 1722:2011 dan *Standard Operating Procedure* (SOP) pembinaan dan penalti.
- b) Memantau keperluan pasca pembinaan berdasarkan Perjanjian Konsesi (CA), Garis Panduan Pengurusan Trafik, Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, Sistem Pengurusan Alam Sekitar MS ISO 14001:2004, Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS) 18001:2007/MS 1722:2011 dan *Standard Operating Procedure* (SOP) pembinaan terutamanya bagi aspek lukisan terbina (*as-built drawing*), *Road Safety Audit (RSA) Stage 4* dan lain-lain.
- c) Memantau projek penswastan lebuhraya berdasarkan *Project Management Body of Knowledge (PMBOK) Handbook*.
- d) Menguruskan maklumbalas parlimen, aduan awam dan kejadian hal-hal luar jangka berpandukan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.
- e) Menyediakan panduan /SOP berkaitan pembinaan.
- f) Melaksanakan kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan projek yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **13 Jun 2024 (Khamis) hingga 26 Jun 2024 (Rabu)**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 Jun 2024 (Khamis)**.

PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

